

KAEDAH PENGAJARAN JURULATIH (PANCARAGAM) YANG CEMERLANG
DALAM MEMBENTUK PASUKAN PANCARAGAM
DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TENGKU
LELA SEGARA, MARANG TERENGGANU:
SATU KAJIAN KES

WAHI BIN SANUSI



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010

PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan.

5Mei2010



Wahib

Tandatangan
WAHIBINSANUSI
M20072000719

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Zamrus Bin Hashim, selaku penyelia saya atas bimbingan yang diberikan untuk menyiapkan laporan projek ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Encik Tan Swee Kent kerana sudi menjadi responden kajian dan kerjasama yang diberikan sepanjang kajian dijalankan. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Pengetua Sekolah Menengah Tengku Lela Segara, Encik Mokhtar A.Ghani kerana memberi kebenaran saya membuat kajian ini disekolah. Tidak lupa juga kepada Penolong Kanan Ko-Kurikulum Encik Wan Nik bin Muda kerana memberikan kerjasama yang baik kepada saya semasa membuat kajian ini. Akhir sekali, terima kasih juga buat kedua-dua ibu bapa, isteri, anak-anak, rakan-rakan, pelajar dan seluruh keluarga kerana sentiasa memberi dorongan dan semangat dalam saya menyiapkan tugas ini.

ABSTRAK

Tujuan kajian yang dicadangkan ini adalah untuk memberi pengkhususan kepada proses kejurulatihan pancaragam yang akan merangkumi teknik serta pendekatan pengajaran yang telah digunakan oleh seorang jurulatih pancaragam teipilih sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dalam memenuhi aktiviti pancaragam di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Segara, Marang Terengganu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang tertumpu kepada kaedah kajian kes sebagai teras utama kajian. Fokus utama kajian ini adalah dengan memberi pengkhususan kepada proses pengajaran pancaragam. Kajian ini menggunakan kaedah analisa dokumen, skor lagu, temubual dan pemerhatian. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa setiap pasukan pancaragam yang ingin berjaya harus mempunyai sekurang-kurangnya seorang jurulatih yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengurus dan melatih pasukan pancaragam. Struktur latihan dan pendekatan adalah elemen-elemen yang penting dalam mengukur tahap kemahiran seseorang jurulatih yang berjaya.

ABSTRACT

The purpose of recommended research is to give a specification on the band instructing process which combined the technics and teaching approach which have been applied by a selected band instructor throughout the teaching and learning process in a way to fulfill the band activity of Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela, Segara, Marang Terengganu.

The research is using the qualitative approach which focusing to the case study method as a base of the main research. The main focus of the research is to concentrate on the band learning process as well. The research is applying the method of document analysis, music score, interview and observation. Finally, the result of the research concludes that every band groups that aimed the victory should have at least one skillful instructor in managing and instructing them. It also shows that the most important elements in measuring the skills level of a successful instructor is the training structures and the approach as well.

KANDUNGAN

Pengakuan

Penghargaan

Abstrak

Abstract

Bab 1 PENGENALAN

- 1.1 Pengenalan
- 1.2 Latar Belakang Masalah
- 1.3 Permasalahan Kajian
- 1.4 Objektif Kajian
- 1.5 Persoalan Kajian
- 1.6 Kepentingan Kajian
- 1.7 Batasan Kajian
- 1.8 Definisi dan Istilah
- 1.9 Kesimpulan

Bab 2**TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	11
2.2	Pengenalan	11
2.3	Konsep - konsep Pengajaran	16
2.4	Kaedah Pengajaran	18
2.5	Kaedah-Kaedah Pengajaran	19
2.6	Teknik Pengajaran	22
2.7	Tujuan Teknik Pengajaran	24
2.8	Teknik-Teknik Pengajaran	24
2.9	Kaedah Dan Teknik Pengajaran	28
2.10	Kaedah / Tunjuk Cara / Demonstrasi	28
2.11	Kaedah Bermain	29
2.12	Penentuan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran	31
2.13	Konsep Dan Suasana Emosi Bilik Darjah	33
2.14	Jenis - Jenis Interaksi	33
2.15	Kerangka Teori	36
2.16	Prinsip - Prinsip Pedagogi	37
2.17	Kesimpulan	38

Bab 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Pemilihan Responden	41
3.4	Kaedah Mendapatkan Data	41
3.5	Pengumpulan Data	43
3.6	Matriks Pengumpulan Data	46
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	47
3.8	Kesimpulan.	48

Bab 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	50
4.2	Dapatan Dan Perbincangan	51
4.3	Struktur Latihan	57
4.4	Penilaian Proses Pengajaran Jurulatih	79
4.5	Set Induksi	80
4.6	Perkembangan	80
4.7	Proses Pengajaran Jurulatih	82
4.8	Susunan Pelajar	86
4.9	Kesimpulan	92

Bab 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	93
5.2 Rumusan	93
5.3 Struktur Latihan	94
5.4 Kesimpulan	95
5.5 Cadangan Kajian	97
5.6 Cadangan Tambahan Kajian	98
5.7 Penutup	99

RUJUKAN	100
----------------	-----

LAMPIRAN	102
-----------------	-----

A. Trankripsi Petikan Temubual - Dengan Responden	
B. Notasi Latihan	
C. Resume Responden	110
D. Notasi Lengkap Latihan Asas (Basic Training)	
E. Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Kajian	112

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab 1 ini akan mengkhususkan dan menghuraikan tentang beberapa perkara utama dalam kajian ini iaitu latar belakang masalah, permasalahan, objektif, persoalan, kepentingan dan batasan kajian.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam kerancakkan sesetengah sekolah untuk meningkat dan menaikkan nama sekolah masing-masing di peringkat tertinggi, tidak ramai yang terfikir bahawa dengan menu buhkan pasukan pancaragam boleh merealisasikan impian mereka.

Bagi sesetengah sekolah yang tidak mempunyai sebuah pasukan pancaragam tentu akan berasa rendah diri dengan sekolah lain yang mungkin mempunyai pasukan pancaragamnya sendiri.

Dewasa ini pasukan pancaragam di sekolah-sekolah telah banyak ditubuhkan sama ada ianya melalui peruntukan daripada pihak Kementerian Pendidikan atau pun secara sumbangan daripada pihak-pihak luar. Penubuhan pasukan pancaragam sekolah ini meningkat jumlahnya daripada setahun ke setahun dan ini dapat dilihat dengan peningkatan jumlah penyertaan dalam pertandingan pancaragam yang diadakan setiap tahun oleh pihak Kementerian Pendidikan tidak kira peringkat negeri mahu pun kebangsaan mahupun antarabangsa.

Kebiasaan pasukan pancaragam sekolah hanya dijadikan gerak kerja kurikulum sekolah bagi mengisi kekosongan aktiviti unit badan beruniform sekolah. Sungguh pun demikian, kejayaan sesebuah pasukan pancaragam sekolah biasa diguna pakai dalam menentukan kehebatan antara sekolah masing-masing. Ini menunjukkan kepada kita akan kepentingan pasukan pancaragam sekolah dalam menentukan status dan martabat sekolah di mata masyarakat.

Pada dasarnya penubuhan pasukan pancaragam sekolah premier di negeri Terengganu adalah atas buah fikiran mantan Menteri Besar Terengganu iaitu Dato' Seri Idris Jusoh. Beliau merasakan pasukan pancaragam adalah salah satu platform yang terbaik harus didedahkan kepada pelajar di semua sekolah primier di seluruh Terengganu. Beliau dapati kebanyakkan sekolah yang cemerlang di Malaysia mempunyai pelbagai kumpulan pancaragam yang hebat. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di sekolah berasrama penuh tetapi sekolah harian biasa. Atas sebab inilah beliau telah mencadangkan untuk menubuhkan pasukan pancaragam untuk semua sekolah premier.

Pada bulan Julai 2005 sebanyak lapan buah sekolah telah menerima 80 unit alat muzik pancaragam untuk setiap sekolah. Untuk fasa pertama pengagihan ditumpukan kepada lapan buah sekolah premier yang terlibat antaranya Sekolah Elit Lembah Bidong (Setiu), Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan (Hulu Terengganu), Sekolah Menengah Tengku Lela Segara (Marang), Sekolah Elit Mak Lagam (Kemaman), Sekolah Menengah Tengku Mahmud (Besut) dengan kos yang mencecah ratusan ribu ringgit bagi setiap sekolah.

Untuk fasa kedua sebanyak 12 buah sekolah lagi telah menerima peruntukan yang sama. Sebanyak 17 buah sekolah di Terengganu telah menerima alat pancaragam yang lengkap dan ini menjadikan 2 buah sekolah untuk setiap daerah.

Kini setelah 4 tahun ianya dilaksanakan terdapat pelbagai situasi yang berlaku ke atas pasukan pancaragam ini samada yang membawa kepada kejayaan pasukan pancaragam ini. Tidak kurang juga terdapat beberapa kegagalan atas beberapa aspek yang membawa kepada halangan ke atas projek.

Faktor utama terhadap kegagalan projek ini adalah ketiadaan jurulatih yang berpengalaman dan berkemahiran dalam pengurusan kejurulatihan pasukan pancaragam tersebut. (Rosnani Hashim, 1995). Bagi memastikan matlamat ini tercapai, pengkaji berpendapat semua pihak perlulah memainkan peranan masing-masing terutamanya jurulatih dan guru yang terlibat mengendalikan pancaragam sekolah.

1.2 Pernyataan Masalah

Keberkesanan setiap sesi latihan bergantung kepada objektif yang ingin dicapai bagi setiap sesi latihan yang dijalankan. Instruktur muzik mestilah membuat perancangan latihan yang rapi dan mematuhi perancangan tersebut. Selepas setiap sesi latihan, kajian dan penilaian perlu dibuat. Kebanyakan instruktur muzik tidak menyedari bahawa terlalu banyak sasaran yang ingin dicapai dalam satu-satu sesi latihan tidak memberikan kesan yang baik kepada ahli pancaragam. Kesinambungan setiap sesi latihan yang perlu diberi perhatian (Colwell & Goolsby, 1992:91)

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- Mengetahui notasi yang sesuai yang digunakan sepanjang proses latihan dalam pancaragam.
- Memmuskan kaedah pengajaran terhadap proses pengajaran dan pembelajaran pancaragan yang telah dikelolakan oleh seorang jurulatih yang berkemahiran dan berpengalaman.
- Memenuhi tuntutan pasukan pancaragam sebagai persediaan untuk persembahan

1.5 Persoalan kajian

Kajian yang dicadangkan ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- a) Apakah jenis latihan, fungsi, teori pendekatan dan analisis kemahiran asas dalam kejurulatihan pancaragam?
- b) Bagaimanakah proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh jurulatih pancaragam yang dipilih?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi keperluan dan mempunyai beberapa kepentingan tertentu. Adalah diharapkan rasional dapatan daripada kajian ini akan memenuhi kepentingan-kepentingan diantaranya:

1. Memberikan pendedahan dan pengetahuan yang baru kepada guru muzik di sekolah premier yang mempunyai pasukan pancaragam tentang bagaimana untuk mengaplikasi proses pengajaran pasukan pancaragam di sekolah masing-masing.
2. Hasil kajian ini akan memberi banyak faedah kepada sekolah dan pasukan pancaragam yang lain untuk menjalani latihan pembelajaran dan pengajaran di dalam pasukan pancaragam melalui struktur latihan yang dilakukan di sekolah ini oleh jurulatih terlibat.
3. Kajian ini juga akan dijadikan penanda aras kepada jurulatih yang terpilih (responden) atau mana-mana jurulatih tentang pengkaedahan dan struktur latihan yang dijalankan di sekolah. Ianya sebagai ukuran dalam mencapai objektif dalam mewujudkan satu pasukan pancaragam yang berjaya.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Segara Marang, Terengganu oleh jurulatih pancaragam yang dipilih oleh Unit Pembangunan Terengganu (UPENT). Kajian ini hanya dijalankan kepada seorang jurulatih pancaragam yang berjaya dan mengajar pancaragam di beberapa sekolah sekitar Marang, Dungun dan Kuala Terengganu. Beliau telah diamanahkan oleh Unit Pembangunan Negeri Terengganu selama satu tahun untuk melatih pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang terpilih.

1.8 Definisi Istilah

Bagi memudahkan perbincangan dalam kajian ini, beberapa istilah telah diberikan definisi secara operasi dan dijelaskan mengikut konteks kajian ini. Berikut adalah beberapa definisi istilah yang berkaitan.

1.8.1 Proses Pengajaran

Menurut Green (1999) tujuan mengajar ialah menukar tingkah laku dan kelakuan pelajar melalui perolehan ilmu pengetahuan atau kepercayaan baru.

Dalam proses pengajaran aktiviti latihan atau pelaziman merupakan satu usaha menukarkan tingkah laku pelajar, manakala teknik tunjuk ajar digunakan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kepercayaan baru. Ini meliputi pelbagai aspek iaitu latihan, pelaziman, tunjuk ajar yang menukarkan tingkah laku dan kelakuan, di samping membawa ilmu pengetahuan dan kepercayaan baru kepada pelajar-pelajar.

1.8.2 Pancaragam

Pancaragam didefinisikan sebagai "*suatu pasukan atau kumpulan pemain muzik*" Kamus Dewan, Edisi Ketiga (1998 ms 967). Terdapat beberapa jenis pasukan pancaragam Di antaranya ialah Big Band, Brass Band, Concert Band, Dance Band, Jazz Band, Marching band. Rock Band, Swing Band, Symphonic Band, Wind Ensemel Band.

Dalam menyediakan dan menguruskan kumpulan-kumpulan seperti di atas bukanlah merupakan sesuatu perkara yang mudah kerana ianya melibatkan ahli yang ramai dan peralatan muzik yang mahal. Masalah-masalah yang timbul perlu ditangani dengan betul agar matlamat penubuhannya terlaksana. Selain itu kepakaran dalam menyediakan dan menguruskan sesebuah pasukan pancaragam juga perlu ada pada individu yang terlibat secara langsung dalam penubuhan sesebuah pasukan pancaragam terutama di sekolah-sekolah.

Kepakaran dalam pengurusan dan kesemua aspek penubuhan sesebuah pasukan pancaragam akan dapat membantu kesinambungan dan perkembangannya kerana terdapat banyak masalah yang akan timbul sebelum, semasa dan selepas penubuhannya. Masalah-masalah yang kerap dihadapi dan dikenalpasti adalah seperti yang akan dibincangkan berikutnya nanti.

1.8.3 Jurulatih Pancaragam

Ia merujuk kepada guru, jurulatih atau individu yang mempunyai kelayakan mengajar. Dalam konteks ini ia merujuk kepada penunjuk cara atau orang yang melatih sesebuah pasukan pancaragam.

1.8.4 Aktiviti Kokurikulum

Ab. Halim Abdul Rahim, (2004) secara amnya, kokurikulum merujuk aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung atau tidak formal. Aktiviti kokurikulum lebih menekankan kemahiran, nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya.

1.9 Kesimpulan

Bab ini adalah membincangkan dan memperjelaskan berkaitan dengan latar belakang masalah, permasalahan, objektif, persoalan, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga beberapa istilah dalam kajian ini. Fokus utama kajian ini adalah proses pengajaran yang dijalankan oleh jurulatih pancaragam yang berjaya di Terengganu.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab 2 akan memperkatakan dan mengupas persoalan tentang perkara-perkara berkenaan dengan Kejurulatihan Pancaragam di Malaysia, dan konsep-konsep serta teori-teori dalam proses pengajaran secara umum.

2.2 Pengenalan

Berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai seorang guru muzik di dua sekolah harian iaitu Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan dan Sekolah Menengah Tengku Lela Segara, Terengganu selama 7 tahun, perkembangan muzik pasukan pancaragam banyak bergantung kepada kebolehan guru muzik, peranan pengetua dan Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG).

Di sekolah-sekolah yang mempunyai guru muzik dan pengetua yang berminat, kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan mata pelajaran pendidikan muzik atau apa sahaja aktiviti yang berkaitan dengan muzik akan menjadi lebih menarik. Ia berkembang dengan sihat dalam keadaan semula jadi dan menjadi satu tradisi kepada sekolah-sekolah itu. Di sekolah-sekolah seperti ini terdapat koir, nasyid, muzik tradisional, 'band kombo', ensembel rekoder, perkusi dan "brass band" yang baik.

Melalui pengalaman pengkaji dalam pertandingan-pertandingan pancaragam yang telah disertai, didapati tahap persembahan pasukan pancaragam sekolah yang mempunyai jurulatih luar (bukan guru muzik sekolah, iaitu jurulatih yang dibayar) adalah lebih baik dan sering mencapai kejayaan dalam pertandingan tersebut berbanding dengan pasukan pancaragam yang dilatih oleh guru muzik sekolah berkenaan. Jurulatih luar yang dimaksudkan adalah seperti Jimmy Anderson, Suhaimi Yaakob, Tang Chiang Hoe, Harisman Abdul Rahman, Azaharuddin Abd Syukur, Yap Mei Hong dan Tan Swee Kent. Pasukan-pasukan yang dilatih oleh jurulatih luar ini bukan sahaja mampu untuk meraih kejayaan, tetapi juga dapat menghasilkan persembahan yang menepati segala unsur-unsur muzik yang dikehendaki dalam sesebuah penghasilan muzik dan juga dapat memenuhi kriteria yang diperlukan.

Sekolah-sekolah yang mendapat khidmat jurulatih-jurulatih luar ini adalah seperti Sekolah Victoria Institution (Wilayah Persekutuan), Sekolah St Joseph (Miri Sarawak), Sekolah Methodis Girl School (Pahang), dan Sekolah Sultan Ibrahim Girl School (Johor Baharu),

Nama Jurulatih	Sekolah yang dilatih	Tahun	Pencapaian
Tang Chia Hoe	SMK Sultanah Asma	2001,2004, 2007,2008,2009	Johan Pertandingan Pancaragam Peringkat Negeri Kedah dan Kebangsaan. Johan World Band Festival di Itali. Johan dalam beberapa kategori di KL World Marching Band 2008 dan 2009
	SMK Keat Hwa	2002,2003	Johan Pertandingan Pancaragam Peringkat Negeri Kedah dan Kebangsaan. Ketiga World Band Festival di Sepanyol.
	SM Sultan Abdul Halim	2003 2004	Naib Johan Pertandingan Wind Orkestra SBP. Johan Pertandingan Wind Orkestra SBP.
Suhaimi Yaakob	Sekolah Alam Shah	2000,2001,2003 2005,	Johan Pertandingan Wind Orkestra SBP.
	Sekolah Seri Puteri	2008	Johan Pertandingan Wind Orkestra SBP.
Azaruddin Abd Shukur	Sekolah Tun Fatimah	1998,1999 2002	Johan Pertandingan Wind Orkestra SBP. Pancaragam Peringkat Negeri Johor dan Kebangsaan Johan Pertandingan Wind Orkestra SBP.

Rajah 1: Rekod pencapaian terbaik jurulatih-jurulatih.

Melalui rajah 1: Rekod pencapaian jurulatih, jelas menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang telah digunakan oleh jurulatih berkenaan semasa melatih pasukan-pasukan tersebut amat berkesan dan cemerlang berbanding dengan sekolah-sekolah yang hanya dilatih oleh guru-guru muzik keluaran Universiti Tempatan dan Institut Perguruan Malaysia. Sedangkan guru-guru muzik tersebut telahpun diberi pelbagai kemahiran dan ilmu pengurusan dan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti muzik melalui program-program dan kursus-kursus yang pernah disertainya.

Persoalan utama yang cuba ditimbulkan di sini ialah apakah kelebihan yang ada pada jurulatih dalam menguasai pengetahuan muzik untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran pancaragam dan apakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh jurulatih tersebut. Jurulatih-jurulatih ini juga tidak pernah menyertai apa-apa kursus yang dianjurkan oleh Universiti Tempatan dan dari Kementerian Pelajaran Malaysia.

Oleh yang demikian kaedah yang digunakan oleh jurulatih ini mungkin mempunyai sedikit kelainan berbanding kaedah yang digunakan oleh guru-guru muzik sedia ada : (Ali Kutty)

Sebahagian besar tenaga pengajar muzik di sekolah tidak menerima latihan yang mencukupi sama ada di maktab atau di peringkat negeri dan tidak mampu mengajar muzik dengan berkesan. Di samping itu bukan semua guru muzik mempunyai kebolehan dan kemahiran muzikal yang diperlukan.

Beliau juga menyatakan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lapan kelemahan dalam pelaksanaan program muzik iaitu :-

- i. Sebahagian besar tenaga pengajar muzik yang terlibat tidak menerima latihan yang mencukupi.
- ii. Bukan semua pendidik muzik yang dilatih itu mempunyai kebolehan muzikal dan kecenderungan yang tulen terhadap muzik.
- iii. Bahan pengajaran yang diedarkan kepada semua sekolah kurang mempunyai unsur-unsur tempatan yang cukup selaras dengan cita rasa golongan pelajar dan rakyat umum.
- iv. Pendidik-pendidik muzik kurang diberi kelonggaran oleh pihak pentadbir dalam hal-hal yang berkaitan dengan pendekatan atau pengubahsuaian kandungan kurikulum.
- v. Alat-alat bantuan mengajar yang telah diedarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan jarang sekali digantikan.
- vi. Ada kalanya program muzik tidak diterima oleh masyarakat tempatan di sesuatu daerah kerana sebab-sebab tertentu yang lebih berkaitan dengan persepsi dan kefahaman.
- vii. Ada pula antara golongan pendidik muzik sendiri yang telah berfungsi dengan kefahaman terhadap muzik dan pendidikan muzik yang berbeza mengikut latihan dan latar belakang muzikal masing-masing.
- viii. Terdapat juga beberapa aspek pendidikan muzik di Malaysia seperti dasar, strategi dan pendekatan yang kurang selaras antara pihak-pihak Kementerian